


Cadang bina terusan atasi banjir di Kuching



**WAN JUNAIDI
TUANKU JAAFAR**

KUALA LUMPUR 29 Feb. - Kerajaan telah menemui jalan penyelesaian kepada permasalahan banjir di Kuching, Sarawak apabila sedang mengkaji cadangan untuk membina sebuah terusan sepanjang enam kilometer dan sebesar sungai di bandar raya itu.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, terusan berkenaan akan dibina merentasi dua jalan utama di Kuching.

Katanya, dua buah jambatan sepanjang tidak kurang daripada 600 meter juga akan dibina merentasi terusan tersebut.

"Ini merupakan cadangan awal dan ketika ini, sekiranya diluluskan kos yang dianggarkan ialah kira-kira RM1.6 bilion. Projek ini jika dilaksana akan mengambil tempoh

lima tahun.

"Bagaimanapun, perkara ini masih pada peringkat perbincangan. Tengah hari ini saya akan hadir perbincangan dan taklimat dengan kementerian berkaitan, pakar serta konsultan untuk melihat kepada cadangan ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melawat Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia di sini hari ini.

Yang turut hadir timbalannya, Datuk Ir. Hamim Samuri dan Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Seri Abd. Rahman Abd. Rahim.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengarahkan Wan Junaidi membuat kajian terperinci mengenai masalah

banjir di Sarawak yang menjejaskan lebih 8,000 orang.

Mengulas lanjut, Wan Junaidi berkata, sekiranya diperlukan, beliau akan menggunakan peruntukan RM100 juta yang telah diberikan kepada kementerian terlebih dahulu untuk menyegerakan projek itu sekiranya diluluskan.

"Kita tidak mahu apabila projek sudah siap sepenuhnya, baru orang ramai tahu mengenainya. Kita mahu orang ramai mendapat kebaikan apabila setiap fasa projek ini siap dibina.

"Saya percaya projek ini boleh dilaksanakan, fasa pertama projek akan dibincangkan tengah hari ini. Bagaimanapun, proses masih jauh kerana perlu dapatkan kelulusan serta persetujuan pelbagai pihak," jelas beliau.